

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6/12/2010

Jaminan Perdana Menteri bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 Calon BN mestilah pilihan rakyat

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com

KUALA LUMPUR 5 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan bahawa pemilihan calon-calon Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah berdasarkan pilihan serta kehendak rakyat.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sejajar dengan komitmen BN meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada segala-galanya.

“Asas pokok, kita perlu mengutamakan konsep rakyat didahulukan dalam serba-serbi sama ada di peringkat tertinggi mahupun akar umbi.

“Dengan cara ini sahaja yang akan dapat menambahkan keyakinan dan sokongan rakyat kepada BN,” katanya kepada pemberita selepas Konvensyen BN 2010 di Wisma MCA, di sini hari ini.

Mengenai kuota pembahagian kerusi pilihan raya, Najib berkata, perkara itu belum dibincangkan tetapi ia akan diselesaikan melalui perundingan.

“Kita belum bincang. Walau apa pun kita akan putus atas semangat BN. Caranya

UMNO 6-12-2010
kita akan merundingkan perkara ini dengan semua parti komponen BN,” ujarnya.

Menyentuh lebih lanjut mengenai pilihan raya umum beliau berkata, ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan terpulang kepada kerajaan untuk menentukan masa paling sesuai.

“Konvensyen yang kita lakukan ini bukan semata-mata menuju ke pilihan raya tetapi ia merupakan usaha kita untuk menguatkan parti secara berterusan,” ujarnya.

Mengenai perjalanan konvensyen hari ini, Perdana Menteri amat berpuas hati apabila para perwakilan menunjukkan semangat yang tinggi sepanjang persidangan terutama dalam usaha merealisasikan perubahan kepada parti.

“Sehingga saat akhir konvensyen, 77 peratus perwakilan masih berada di dalam dewan. Saya lihat semangat mereka cukup tinggi dan saya kira ini mencerminkan kesungguhan kita untuk melakukan perubahan,” katanya.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, UMNO sememangnya faham serta sensitif dengan perasaan parti-parti komponen tetapi mereka juga perlu memahami perasaan UMNO.



NAJIB Tun Razak menandatangani Piagam Barisan Nasional sambil diperhatikan para pemimpin parti komponen BN pada Konvensyen Barisan Nasional 2010 di Wisma MCA, Kuala Lumpur, semalam.